

BAB 4

ANALISIS PENGUASAAN PENGAJIAN QIRA'ĀT SECARA DALAM TALIAN: KAJIAN DI MEDIIU.

4.1 PENGENALAN

Di dalam bab ini, penulis menganalisis dan mengenalpasti tahap penguasaan pelajar MEDIIU terhadap pengajian Qira'āt secara dalam talian. Oleh itu, penulis mengkaji tahap penguasaan dengan menguji kemahiran sampel kajian dalam mempraktikkan Qira'āt tujuh amali. Tahap penguasaan yang diuji terbahagi kepada tiga tahap iaitu: (1) Menguasai manhaj bacaan perawi Qira'āt tujuh (2) Menguasai khilaf bacaan Qira'āt tujuh dalam perkataan (3) Menguasai dalil-dalil bagi manhaj dan khilaf bacaan Qira'āt tujuh.

Di dalam bab ini juga, penulis akan membincangkan tentang dapatan hasil kajian daripada soal selidik yang telah diedarkan kepada 25 orang responden Ijazah Sarjana Muda Sains Al-Quran, MEDIIU yang mengikuti mod pengajian secara dalam talian yang berstatus aktif. Bahagian ini akan dibahagikan kepada empat bahagian utama iaitu bahagian A, B, C dan ujian amali. Data-data yang dikumpul telah dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 16.0.

4.1.1 Sampel Kajian

Sampel kajian penulis ialah terhadap 25 orang pelajar Ijazah Sarjana Muda Sains Al-Quran, MEDIIU yang statusnya aktif dalam mod pengajian *online* dan berpusat pengajian di Shah Alam yang dipilih secara rawak mudah. Ini dilakukan bagi mengurangkan faktor kos, masa dan kesulitan mendapatkan sampel. Sebanyak 25

borang soal selidik telah diedarkan pada 27 Jun 2013 dan telah dikembalikan kepada penulis pada 27 Julai 2013. Penulis telah menentukan kaedah pengedaran soal selidik dengan mengedar melalui *email* kepada responden yang mengikuti mod pengajian secara *online*. Penulis memilih 25 orang responden kerana kajian penulis adalah menganalisis penguasaan pengajian Qira'āt secara dalam talian. Dalam erti kata lain, ia dikategorikan sebagai populasi yang homogenus dan hanya memerlukan saiz yang kecil sahaja sudah mencukupi¹²².

Penulis mengambil sampel kajian dari Tahun 2, 3 dan 4 Ijazah Sarjana Muda Sains Al-Quran. Ujian amali terhadap sampel kajian dilakukan dengan membuat temujanji di talian internet iaitu *yahoomessenger* dilakukan di antara 17 Jun 2013 hingga 25 Julai 2013. Di dalam ujian ini juga, responden diminta untuk membaca surah al-Fatihah terhadap semua jenis bacaan Qira'āt tujuh.

4.1.2 Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian penulis adalah borang soal selidik dan ujian Qira'āt tujuh amali. Soalan soal selidik yang disediakan oleh penulis adalah berpandukan disertasi Yosni Norjannah Yong yang bertajuk "Pengajian Al-Quran menerusi multimedia: Suatu kajian terhadap perisian-perisian Al-Quran dan aplikasinya di Malaysia"¹²³. Manakala set soalan ujian Qira'āt amali pula diadaptasi daripada set soalan Diploma Tahfiz Al-Quran dan Qira'āt, Darul Quran, JAKIM.

¹²² Chua Yan Piaw, *Kaedah Penyelidikan* (Malaysia: Penerbit McGraw Hill Education, Edisi Kedua, 2011), h.207.

¹²³ "Pengajian Al-Quran menerusi multimedia: suatu kajian terhadap perisian-perisian Al-Quran dan aplikasinya di Malaysia", (Disertasi Universiti Malaya, 2005)

Walaubagaimanapun, set soalan ujian Qira'āt amali ini telah pun mendapat kesahan pakar dari mereka yang mahir dalam bidang Qira'āt.¹²⁴

4.2 HIPOTESIS KAJIAN

Terdapat tiga hipotesis kajian yang telah penulis tentukan bagi mencapai objektif yang penulis kehendaki. Penulis menggunakan hipotesis nul dan ketiga-tiga tersebut adalah:

H₀1: Semua pelajar pengajian Sains Al-Quran MEDIIU, Shah Alam yang mengikuti pengajian secara dalam talian tidak boleh menguasai manhaj bacaan perawi Qira'āt tujuh.

H₀2: Semua pelajar pengajian Sains Al-Quran MEDIIU, Shah Alam yang mengikuti pengajian secara dalam talian tidak boleh menguasai khilaf bacaan Qira'āt tujuh dalam kalimah/perkataan.

H₀3: Semua pelajar pengajian Sains Al-Quran MEDIIU, Shah Alam yang mengikuti pengajian secara dalam talian tidak boleh menguasai matan Qira'āt tujuh.

4.3 KESAHAN INSTRUMEN KAJIAN

Kesahan adalah merujuk kepada konsistensi sesuatu instrumen dalam mengukur apa yang sepatutnya diukur¹²⁵. Selain itu, kesahan juga merujuk kepada keupayaan suatu pengukuran yang dilakukan untuk mengukur nilai sebenar konsep dalam hipotesis¹²⁶.

¹²⁴ Dr. Sabri bin, Ketua Jabatan Al-Quran dan Sunnah dan Ustaz Izuli Dzulkifli, Pensyarah Jabatan Al-Quran dan Sunnah, Fakulti Pengajian Islam UKM.

¹²⁵ Parmjit Singh, Puzziawati Abdul Ghani, Teoh Sian Hoon, *Quantitative Data Analysis For Novice Researchers*, (Perpustakaan Negara Malaysia: Primera Publishing, 2009), h.225.

¹²⁶ Chua Yan Piaw, *Kaedah Penyelidikan* (Malaysia: Penerbit McGraw Hill Education, Edisi Kedua, 2011), h.238.

4.3.1 Ujian Rintis

Penulis telah melakukan ujian rintis terhadap pelajar tingkatan 4 dan 5 Ma'had Tahfiz Al-Quran Wal Qira'at, Shah Alam seramai 20 orang bagi mendapatkan kesahan terhadap instrumen kajian dengan bantuan Ustazah Ma'azatul Adawiyah binti Junaidi. Penulis memilih sekolah ini adalah kerana sukatan matapelajaran Qira'at yang sama dengan sukatan di MEDIIU. Tambahan pula, pelajar tingkatan 4 dan 5 mengambil Sijil Menengah Tahfiz Quran (SMTQ). Ujian rintis dilakukan untuk mengenalpasti kekurangan dan kelemahan soal selidik dan soalan Qira'at amali yang dibina. Penulis juga mendapatkan kesahan pakar seramai tiga orang iaitu; dua orang yang pakar dalam bidang Qira'at dan seorang pakar dalam bidang metodologi terhadap soal selidik dan soalan Qira'at amali.

Untuk menentukan item-item individu harus dikekalkan atau disingkirkan, data-data ujian rintis boleh dianalisis dengan analisis item menggunakan program Cronbrach Alpha. Item yang mempunyai nilai alfa kurang daripada 0.65 akan disingkirkan daripada alat kajian kerana mempunyai kebolehpercayaan yang rendah.¹²⁷

Jadual 4.1: Keputusan Cronbach Alpha Bagi Ujian Rintis

Item		Skor
Penguasaan Responden Terhadap Manhaj Qira'at Tujuh	Bilangan Item Cronbach Alpha	10 0.948
Penguasaan Responden Terhadap Farsh Hurf	Bilangan Item Cronbach Alpha	10 0.870
Penguasaan Resopnden Terhadap Matan Qira'at Tujuh	Bilangan Item Cronbach Alpha	10 0.728
Ujian Amali	Bilangan Item Cronbach Alpha	10 0.938

¹²⁷ *Ibid*, h.311.

Penulis sentiasa memantau status *email* penulis ketika proses pelaksanaan instrumen kajian dilakukan kerana dikhuatiri soalan yang dikemukakan tidak difahami oleh responden. Penilaian ujian Qira'āt tujuh amali juga dinilai sendiri oleh penulis dalam merekod semua bacaan responden dan rekod bacaan-bacaan responden dinilai semula oleh panel-panel penilai yang bertauliah¹²⁸.

4.3.2 Skala Pemarkahan Ujian

Skala pemarkahan bagi soal selidik dan ujian amali Qira'āt merujuk kepada Instrumen Penilaian Qira'āt Amali Diploma Tahfiz Al-Quran dan Qira'āt yang ditetapkan oleh Darul Quran, JAKIM. Penulis mengkategorikan sebanyak lima gred bagi skala pemarkahan.

Jadual 4.2: Pengkategorian Keseluruhan Keputusan Bacaan Qira'āt Tujuh Amali

<i>Gred</i>	<i>Deskripsi Tahap Pencapaian</i>
1 (Sangat tidak menguasai)	Tidak fasih/lancar dan menguasai dalam bacaan dan tidak mengikut manhaj Qira'āt. Tidak mengenalpasti khilaf dan dalil matan dalam bacaan.
2 (Tidak menguasai)	Tidak boleh dan ragu-ragu ketika membaca, bertukar-tukar manhaj dan khilaf pada bacaan Qira'āt dan tidak menyertakan dalil matan.
3 (Tidak pasti)	Ragu-ragu dalam membaca yang membawa kepada tepat dan tidak tepat.
4 (Menguasai)	Boleh membaca dengan kefasihan dan kelancaran yang sederhana, bertukar-tukar manhaj dan khilaf pada bacaan Qira'āt yang membawa kepada tepat dan menyertakan dalil matan.
5 (Sangat menguasai)	Sangat menguasai dan membaca dengan fasih, menepati manhaj bacaan Qira'āt dan mengenalpasti khilaf bacaan beserta dalil matan

¹²⁸ Ustaz Adlly bin Hj. Bukhori dan Ustazah Zubaidah binti Zamani, berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Al-Quran dan Qira'āt di Ma'ahad Qira'āt Azhar, Mesir. Mereka juga berkhidmat sebagai guru Al-Quran dan Qira'āt di Ma'ahad Tahfiz Al-Quran Wal Qira'āt.

4.4 ANALISIS KAJIAN

4.4.1 Analisis Latar Belakang Responden

Penulis menetapkan tiga jenis item untuk menganalisis latar belakang responden iaitu; jantina, kewarganegaraan dan tahun pengajian. Analisis latar belakang responden adalah seperti berikut:

Jadual 4.3: Analisis Keseluruhan Latar Belakang Responden

Item	Kategori	Kekerapan	Peratus
Jantina	Lelaki	11	44
	Perempuan	14	56
Kewarganegaraan	Malaysia	11	44
	Singapura	1	4
	Indonesia	1	4
	Thailand	1	4
	Afrika	4	16
	Lain-lain	7	28
Tahun Pengajian	Tahun 2	11	44
	Tahun 3	10	40
	Tahun 4	4	16
Jumlah		25	100

Sumber: Soal selidik, 27 Jun - 27 Julai 2013

Di antara 25 orang keseluruhan responden, jadual 4.3 menunjukkan bahawa peratus taburan responden perempuan adalah lebih tinggi iaitu sebanyak 56% berbanding dengan taburan responden lelaki iaitu sebanyak 44%. Hal ini disebabkan kebanyakan daripada pelajar perempuan terdiri daripada kaum ibu dan warga kerja. Oleh itu, pembelajaran menerusi jarak jauh atau *online* lebih fleksibel untuk mereka. Responden bagi kajian ini kebanyakannya warganegara Malaysia iaitu sebanyak 44% daripada jumlah keseluruhan responden, manakala 28% dari lain-lain negara seperti Kemboja, London dan Pakistan, 16% dari Afrika dan 4% mewakili responden dari Singapura, Indonesia dan Thailand.

Responden di Tahun 2 mencatat peratus tertinggi iaitu seramai 44% dan diikuti dengan responden Tahun 3 sebanyak 40%. Manakala responden di Tahun 4 mencatat peratusan terendah sebanyak 16%. Pada tahun 2010, MEDIIU baru sahaja membuka mod pengajian secara konvensional dan ini menyebabkan jumlah kemasukan pelajar bertambah.¹²⁹ Oleh itu, responden yang berada di tahun 3 dan ke bawah mempunyai bilangan yang lebih berbanding responden di tahun 4. Merujuk kepada data yang diberikan kepada penulis, tahun kemasukan bagi para pelajar tahun 3 adalah pada September 2010 dan Februari 2011 iaitu bersamaan dengan pembukaan mod pengajian konvensional di MEDIIU.

4.4.2 Analisis Penguasaan Responden Terhadap Manhaj Qira'at Tujuh

4.4.2.1 Analisis Diskriptif

Di dalam mentafsirkan data, maklumat perlulah dikemaskini dan disimpulkan. Analisis diskriptif merupakan kaedah yang kebiasaannya digunakan untuk menganalisis kekerapan dengan menggunakan frekuensi, peratusan dan min pangkatan (median)¹³⁰.

Jadual 4.4: Analisis Diskriptif Penguasaan Responden Terhadap Manhaj Qira'at Tujuh

Item	Mean	Std. Dev
Adakah anda menguasai definisi usul Qira'at iaitu kaedah asas yang menjadi pegangan sesuatu Qira'at?	3.84	1.14
Adakah anda mampu menguasai kesemua manhaj Qira'at tujuh?	3.12	1.23
Adakah anda menguasai kaedah bacaan pada mad muttaṣil bagi setiap qurra'?	3.40	1.25
Adakah anda menguasai kadar bacaan pada mad munfaṣil bagi setiap qurra'?	3.40	1.25
Adakah anda menguasai bacaan ṣillah bagi mim jama' bagi riwayat Qālūn?	3.40	1.25
Adakah anda menguasai bacaan ṣillah bagi mim jama' bagi riwayat Ibn Kathīr?	3.40	1.25
Adakah anda menguasai bacaan riwayat Warsh pada mim jama' apabila bertemu dengan hamzah qata'?	3.40	1.25
Adakah anda menguasai bacaan idgham pada kalimah	3.40	1.25

¹²⁹ Sila rujuk kajian penulis di Bab 1: *Sejarah Penubuhan MEDIIU*, h.32.

¹³⁰ Chua Yan Piaw, *Kaedah Penyelidikan*, Buku 3 (Malaysia: Penerbit McGraw Hill Education, Edisi Kedua, 2011), h.13.

(الرَّحِيمِ مَلِكٍ) oleh imam Sūsi?		
Adakah anda menguasai bacaan ibdal pada kalimah (يُؤْمِنُونَ) bagi riwayat Warsh?	3.44	1.22
Adakah anda menguasai bacaan imalah pada kalimah (النَّصَارَى) bagi imam Hamzah?	3.40	1.35

Sumber: Soal selidik, 27 Jun - 27 Julai 2013

Merujuk kepada jadual di atas, skor min menunjukkan responden lebih menguasai definisi usul Qira'āt iaitu kaedah asas yang menjadi pegangan sesuatu Qira'āt menunjukkan skor min tertinggi ($M=3.84$, $SD=1.14$) berbanding dengan yang lain. Seterusnya diikuti dengan penguasaan responden terhadap bacaan ibdal pada kalimah (يُؤْمِنُونَ) bagi riwayat Warsh ($M=3.44$, $SD=1.22$) dan penguasaan responden terhadap bacaan imalah pada kalimah (النَّصَارَى) bagi imam Hamzah ($M=3.40$, $SD=1.35$). Manakala skor min yang menunjukkan skor yang sama adalah penguasaan responden terhadap kaedah bacaan mad muttaṣil dan mad munfaṣil bagi setiap qurro', bacaan ṣillah pada mim jama' bagi Qālūn dan Ibn Kathīr, bacaan riwayat Warsh pada mim jama' apabila bertemu dengan hamzah qata' dan bacaan idgham pada kalimah (الرَّحِيمِ مَلِكٍ) oleh Susi ($M=3.40$, $SD=1.40$).

4.4.2.2 Analisis Frekuensi

Nilai kekerapan item-item penguasaan responden terhadap manhaj Qira'āt tujuh diukur melalui 5 skala likert iaitu:

Jadual 4.4: Nilai Skala Likert

Sangat Tidak Menguasai	Tidak Menguasai	Tidak Pasti	Menguasai	Sangat Menguasai
1	2	3	4	5

Jadual 4.5: Analisis Frekuensi Penguasaan Responden Terhadap Manhaj Qira'āt Tujuh

Item	STM	TM	TP	M	SM
1. Adakah anda menguasai definisi usul Qira'āt iaitu kaedah asas yang menjadi pegangan sesuatu Qira'āt?	1 0 0%	2 4 16%	3 6 24%	4 5 20%	5 10 40%

2. Adakah anda mampu menguasai kesemua manhaj Qira'at tujuh?	1 2 8%	2 7 28%	3 6 24%	4 6 24%	5 4 16%
3. Adakah anda menguasai kaedah bacaan pada mad muttaṣil bagi setiap qurra'?	1 0 0%	2 9 36%	3 4 16%	4 5 20%	5 7 28%
4. Adakah anda menguasai kadar bacaan pada mad munfaṣil bagi setiap qurra'?	1 0 0%	2 9 36%	3 4 16%	4 5 20%	5 7 28%
5. Adakah anda menguasai bacaan ṣillah bagi mim jama' bagi riwayat Qālūn?	1 0 0%	2 9 36%	3 4 16%	4 5 20%	5 7 28%
6. Adakah anda menguasai bacaan ṣillah bagi mim jama' bagi riwayat Ibn Kathīr?	1 0 0%	2 9 36%	3 4 16%	4 5 20%	5 7 28%
7. Adakah anda menguasai bacaan riwayat Warsh pada mim jama' apabila bertemu dengan hamzah qata'?	1 0 0%	2 9 36%	3 4 16%	4 5 20%	5 7 28%
8. Adakah anda menguasai bacaan idgham pada kalimah (الرَّحِيمَ مَلِك) oleh imam Sūsi?	1 0 0%	2 9 36%	3 4 16%	4 5 20%	5 7 28%
9. Adakah anda menguasai bacaan ibdal pada kalimah (يُؤْمِنُونَ) bagi riwayat Warsh?	1 0 0%	2 8 32%	3 5 20%	4 5 20%	5 7 28%
10. Adakah anda menguasai bacaan imalah pada kalimah (النَّصَارَى) bagi imam hamzah?	1 1 4%	2 8 32%	3 4 16%	4 4 16%	5 8 32%

Sumber: Soal selidik, 27 Jun - 27 Julai 2013

Jadual 4.5 menunjukkan sebanyak 40% responden sangat menguasai definisi usul Qira'at iaitu kaedah asas yang menjadi pegangan sesuatu Qira'at manakala 20% daripada responden menguasai dan 16% sahaja responden yang tidak menguasai (**STM**=0%, **TM**=16%, **TP**=24%, **M**=20%, **SM**=40%). Taburan responden juga menunjukkan 28% daripadanya tidak menguasai kesemua manhaj Qira'at dan ini menunjukkan peratusan yang tertinggi malah hanya 24% dan 16% sahaja responden yang menguasai dan sangat menguasai (**STM**=8%, **TM**=28%, **TP**=24%, **M**=24%, **SM**=16%).

Selain itu, peratusan responden menunjukkan 36% responden tidak menguasai kaedah bacaan pada mad muttaṣil dan munfaṣil bagi setiap qurra', bacaan ṣillah bagi mim jama' bagi riwayat Qālūn dan Ibn Kathīr, bacaan riwayat Warsh pada mim jama' apabila bertemu dengan hamzah qata', bacaan idgham pada kalimah (الرَّحِيمَ مَلِك) oleh imam Sūsi dan ibdal pada kalimah (يُؤْمِنُونَ) bagi riwayat Warsh. Ini menunjukkan nilai peratusan tertinggi manakala diikuti dengan 28% responden yang sangat menguasai, 20% responden menguasai dan hanya 16% responden yang tidak pasti (**STM**=0%, **TM**=36%, **TP**=16%, **M**=20%, **SM**=28%).

Penguasaan responden terhadap bacaan imalah pada kalimah (النَّصَارَى) bagi imam hamzah menunjukkan taburan peratus yang sama bagi responden untuk sangat menguasai dan tidak menguasai iaitu sebanyak 32%. Akan tetapi, responden yang menunjukkan tidak pasti dan menguasai juga mencatat peratus yang sama iaitu sebanyak 16%. Hanya 4% sahaja daripada responden sangat tidak menguasai item A10 (**STM**=4%, **TM**=32%, **TP**=16%, **M**=16%, **SM**=32%).

4.4.2.3 Kesimpulan

Kesimpulannya, responden dapat mengenalpasti pengertian usul Qira'āt. Ini disebabkan pengenalan terhadap ilmu Qira'āt telah diberi pendedahan kepada responden semasa berada di Tahun Dua melalui subjek Pengenalan Ilmu Qira'āt (Kod Kursus: IUQR2234)¹³¹. Subjek ini lebih tertumpu kepada sejarah imam-imam Qira'āt dan pengenalan asas ilmu Qira'āt. Berdasarkan hasil analisis frekuensi penguasaan responden terhadap manhaj Qira'āt tujuh, penulis dapati bahawa peratus responden yang tidak menguasai manhaj Qira'āt tujuh dan menguasai mempunyai nilai yang tidak

¹³¹ Sila rujuk kajian penulis di Bab 2: *Pengajian Qirā'āt di MEDIIU*, h.50.

berbeza. Ini jelas bahawa sukatan matapelajaran yang dibina mengikut tahun pengajian boleh mengklasifikasikan tahap penguasaan seseorang responden.

Apabila ditinjau semula subjek Qira'āt yang ditetapkan kepada Tahun Tiga iaitu Bimbingan dan Penjelasan dalam Persembahan Bacaan (Kod Kursus: IUQR3054)¹³² hanya membincangkan tentang khilaf bacaan Qira'āt yang terdapat di surah al-Isra' hingga an-Nas. Oleh itu, pelajar hanya mampu mengetahui khilaf bacaan dalam surah-surah berikut sahaja tanpa mengetahui manhaj bacaan bagi seseorang imam. Akan tetapi, terdapat juga responden di Tahun Tiga boleh menguasai manhaj Qira'āt tujuh. Walaubagaimanapun, responden di Tahun Empat mampu menguasai manhaj Qira'āt secara keseluruhan kerana mereka mengikuti matapelajaran Qira'āt Amali (Kod Kursus: IUQR4104) yang merangkumi manhaj bacaan dan khilaf bacaan dari surah al-Baqarah hingga al-Kahfi.

Selain itu, kelengkapan alat-alat bantuan belajar seperti; kuiz, forum, SCROM packages dan '*My Educational Materials*' membantu pelajar dalam memahami dan menguasai sesebuah mata pelajaran. Selain daripada dikenali sebagai pelengkap belajar, ia juga mudah dibaca, difahami dan mudah untuk dimuat turun¹³³. Walaubagaimanapun, berdasarkan temubual penulis dengan segelintir responden menyatakan bahawa terdapat juga kekurangan bahan bacaan dan rujukan tentang manhaj yang memainkan peranan terhadap penguasaan pelajar dalam manhaj Qira'āt tujuh.

Selain itu, jadual waktu yang tidak dipersetujui oleh responden kerana ia tidak mengikuti keselesaan responden. Jelaslah di sini bahawa, responden-responen yang

¹³² *Ibid.*

¹³³ *Ibid*, h:65.

menghadiri mod *online* mempunyai masalah kehadiran di atas sebab kekangan masa dan waktu yang ditetapkan tidak bersesuaian dengan kondisi responden. Berdasarkan observasi penulis, di MEDIIU pensyarah yang mempunyai kepakaran dalam Qira'āt jumlahnya adalah sedikit.

4.4.3 Analisis Penguasaan Responden Terhadap Farsh Hurf

4.4.3.1 Analisis Diskriptif

Jadual 4.6: Analisis Diskriptif Penguasaan Responden Terhadap Farsh Hurf

Item	Mean	Std. Dev
Adakah anda menguasai maksud farsh huruf iaitu hukum-hukum khusus bagi sesuatu perkataan yang menjadi pegangan dalam sesuatu bacaan Qira'āt?	3.56	1.12
Adakah anda mampu menguasai kaedah bacaan hazf alif pada kalimah (مَالِك) oleh Kisā'iy dan 'Āsim?	3.04	1.17
Adakah anda mampu menguasai bacaan Qunbul pada kalimah (صِرَاطُ)?	3.04	1.17
Adakah anda mampu menguasai kaedah bacaan ishmam oleh Bazi pada (صِرَاطُ)?	3.04	1.17
Adakah anda menguasai kaedah bacaan Nāfi' pada kalimah (نَعْفِرُكُمْ)?	3.04	1.17
Adakah anda menguasai bacaan pada kalimah (تَنْسَخُ) oleh Nāfi' dan Kufiyun?	3.00	1.15
Adakah anda menguasai kaedah bacaan ikhtilaṣ pada kalimah (أَرْنَا) oleh Duri Abi 'Amru?	3.00	1.15
Adakah anda menguasai kaedah bacaan Hafs dan Ibn 'Āmir pada kalimah (وَيُكْفِّرُ)?	3.00	1.15
Adakah anda menguasai kaedah bacaan taqlil bagi kalimah (التَّوْرَةَ) oleh Warsh dan Hamzah?	3.00	1.15
Adakah anda menguasai bacaan Hamzah dan Kisā'iy pada kalimah (سَتُعْلَبُونَ)?	3.00	1.15

Sumber: Soal selidik, 27 Jun - 27 Julai 2013

Jadual 4.6 menunjukkan skor min tertinggi terhadap responden yang menguasai maksud farsh huruf iaitu hukum-hukum khusus bagi sesuatu perkataan yang menjadi pegangan dalam sesuatu bacaan Qira'āt ($M=3.56$, $SD=1.12$). Seterusnya skor min yang menunjukkan nilai yang sama terhadap responden yang menguasai kaedah bacaan hazf alif pada kalimah (مَالِك) oleh Kisā'iy dan 'Āsim, bacaan Qunbul pada kalimah (صِرَاطُ),

kaedah bacaan ishmam oleh Bazi pada (صِرَاطٌ) dan kaedah bacaan Nāfi' pada kalimah (نَغْفَرُكُمْ) (M=3.04, SD=1.17). Manakala skor min penguasaan responden terhadap bacaan pada kalimah (نَنْسُخُ) oleh Nāfi' dan Kufiyun, bacaan ikhtilaṣ pada kalimah (أَرِنَا) oleh Duri Abi 'Amru, kaedah bacaan Hafs dan Ibn 'Āmir pada kalimah (وَيُكْفِّرُ), kaedah bacaan taqlil bagi kalimah (التَّورَةَ) oleh Warsh dan Hamzah dan bacaan Hamzah dan Kisā'iy pada kalimah (سَتُعْلَبُونَ) juga menunjukkan nilai yang sama (M=3.00, SD=1.15).

4.4.3.2 Analisis Frekuensi

Jadual 4.7: Analisis Frekuensi Penguasaan Responden Terhadap Farsh Huruf

Item	STM	TM	TP	M	SM
1. Adakah anda menguasai maksud farsh huruf iaitu hukum-hukum khusus bagi sesuatu perkataan yang menjadi pegangan dalam sesuatu bacaan Qira'āt tujuh?	1 0 0%	2 4 16%	3 11 44%	4 2 8%	5 8 32%
2. Adakah anda mampu menguasai kaedah bacaan hazf alif pada kalimah (مَالِكٍ) oleh Kisā'iy dan 'Āsim?	1 0 0%	2 11 44%	3 7 28%	4 2 8%	5 5 20%
3. Adakah anda mampu menguasai bacaan Qunbul pada kalimah (صِرَاطٌ)?	1 0 0%	2 11 44%	3 7 28%	4 2 8%	5 5 20%
4. Adakah anda mampu menguasai kaedah bacaan isymam oleh Bazi pada (صِرَاطٌ)?	1 0 0%	2 11 44%	3 7 28%	4 2 8%	5 5 20%
5. Adakah anda menguasai kaedah bacaan Nāfi' pada kalimah (نَغْفَرُكُمْ)?	1 0 0%	2 11 44%	3 7 28%	4 2 8%	5 5 20%
6. Adakah anda menguasai bacaan pada kalimah (نَنْسُخُ) oleh Nāfi' dan Kufiyun?	1 0 0%	2 11 44%	3 8 32%	4 1 4%	5 5 20%
7. Adakah anda menguasai kaedah bacaan ikhtilaṣ pada kalimah (أَرِنَا) oleh Duri Abi 'Amru?	1 0 0%	2 11 44%	3 8 32%	4 1 4%	5 5 20%
8. Adakah anda menguasai kaedah bacaan Hafs dan Ibn 'Āmir pada kalimah (وَيُكْفِّرُ)?	1 0 0%	2 11 44%	3 8 32%	4 1 4%	5 5 20%
9. Adakah anda menguasai kaedah bacaan taqlil bagi kalimah (التَّورَةَ) oleh Warsh dan Hamzah?	1 0 0%	2 11 44%	3 8 32%	4 1 4%	5 5 20%
10. Adakah anda menguasai bacaan Hamzah dan Kisā'iy pada kalimah (سَتُعْلَبُونَ)?	1 0 0%	2 11 44%	3 8 32%	4 1 4%	5 5 20%

Merujuk kepada jadual di atas, taburan responden terhadap penguasaan maksud farsh huruf iaitu hukum-hukum khusus bagi sesuatu perkataan yang menjadi pegangan dalam sesuatu bacaan Qira'āt menunjukkan 44% tidak pasti, kemudian diikuti dengan sangat menguasai sebanyak 32%, tidak menguasai sebanyak 16% dan menguasai hanya 8% (STM=0%, TM=16%, TP=44%, M=8%, SM=32%). Peratus taburan responden yang tertinggi sebanyak 44% tidak menguasai kaedah bacaan hazf alif pada kalimah (مَالِك) oleh Kisā'iy dan 'Āsim, bacaan Qunbul pada kalimah (صِرَاط), kaedah bacaan ishman oleh Bazi pada (صِرَاط) dan kaedah bacaan Nāfi' pada kalimah (نَعْفِرُكُمْ). Manakala 28% daripada responden tidak pasti, 20% sangat menguasai dan 8% menguasai (STM=0%, TM=44%, TP=28%, M=8%, SM=20%).

Bagi penguasaan responden terhadap bacaan pada kalimah (نَسَخ) oleh Nāfi' dan Kufiyun, bacaan ikhtilāf pada kalimah (أَرِنَا) oleh Duri Abi 'Amru, bacaan Hafsh dan Ibn 'Āmir pada kalimah (وَيُكْفِّرُ), bacaan taqlil bagi kalimah (التَّوْرَةَ) oleh Warsh dan Hamzah dan bacaan Hamzah dan Kisā'iy pada kalimah (سَتُعْلَبُونَ), peratusan menunjukkan sebanyak 44% responden tidak menguasai, 32% tidak pasti, 20% sangat menguasai dan 4% yang menguasai (STM=0%, TM=44%, TP=32%, M=4%, SM=20%).

4.4.3.3 Kesimpulan

Berdasarkan observasi penulis, responden keliru dengan istilah-istilah Qira'āt seperti farsh huruf, rumuz dan usul Qira'āt. Hal ini disebabkan matapelajaran yang disediakan tidak menekankan penggunaan istilah-istilah Qira'āt. Tambahan pula mata pelajaran Qira'āt tidak disusun sukutannya mengikut tajuk dalam kitab Qirā'āt. Sekiranya diteliti sinopsis program, matapelajaran Qira'āt 'ilmi bagi Tahun 3 membincangkan tentang 7 jenis bacaan Qira'āt bermula dari surah al-Isra' hingga akhir surah Yasin. Manakala bagi mata pelajaran Qira'āt amali di Tahun 4 pula

membincangkan tentang bab mukadimah ilmu Qira'at dan bacaan Qira'at dari surah al-Fatihah hingga al-Baqarah (ayat 1-282) oleh Warsh, Ibn Kathīr, Ibn 'Āmir, 'Āsim, Hamzah dan Kisā'iy¹³⁴.

Selain itu, jam kredit yang diberikan untuk responden di Tahun 3 untuk mendalami mata pelajaran Qira'at 'ilmi sangat terhad iaitu 4 jam kredit sahaja¹³⁵. Pun begitu, menerusi temubual penulis, responden berhasrat agar MEDIIU menyediakan alternatif yang pelbagai bagi mata pelajaran Qira'at supaya para pelajar dapat menguasai ilmu tersebut.

4.4.4 Analisis Penguasaan Responden Terhadap Matan Qira'at Tujuh

4.4.4.1 Analisis Diskriptif

Jadual 4.8: Analisis Diskriptif Penguasaan Responden Terhadap Matan Qira'at Tujuh

Item	Mean	Std. Dev
Adakah anda menguasai rumuz bagi setiap qurra'?	2.96	1.13
Adakah anda menguasai dalil bagi Qalun, Kisā'iy, 'Āsim, Ibn Kathīr dalam mengithbatkan basmalah pada setiap surah?	2.20	1.15
Adakah anda menguasai dalil mim jama' bagi Qālūn dan Ibn Kāthir?	2.20	1.15
Adakah anda menguasai dalil bacaan ḍammah pada kalimah (عَلَيْهِمْ-إِلَيْهِمْ-وَأَلَيْهِمْ) oleh Hamzah?	2.20	1.15
Adakah anda menguasai dalil bacaan qasr (2 harkat) pada mad munfaṣil bagi Sūsi dan Ibn Kāthir?	2.20	1.15
Adakah anda menguasai dalil bacaan tawasuṭ (4 harkat) pada mad munfaṣil bagi Qālūn, Dūri dan Abu 'Amru?	2.20	1.15
Adakah anda menguasai dalil bacaan ishba' (6 harkat) pada mad munfaṣil bagi Warsh?	2.20	1.15
Adakah anda menguasai dalil idgham kabir bagi Abu 'Amru?	2.20	1.15
Adakah anda menguasai dalil mengibdalkan hamzah pada fa feel bagi Warsh?	2.20	1.15
Adakah anda menguasai dalil mentaghlizkan lam pada kalimah (الصَّلَاة) bagi Warsh?	2.20	1.15

¹³⁴ Sila rujuk lampiran.

¹³⁵ Sila rujuk kajian penulis di Bab 2: *Pengajian Qira'at di MEDIIU*, h.51-52.

Merujuk kepada jadual 4.8, skor min terhadap responden yang menguasai rumuz bagi setiap qurro' adalah yang tertinggi ($M=2.96$, $SD=1.13$). Skor min menunjukkan nilai yang sama ($M=2.20$, $SD=1.15$) terhadap responden yang menguasai dalil bagi Qalun, Kisā'iy, 'Āsim, Ibn Kāthir dalam mengithbatkan basmalah pada setiap surah, dalil mim jama' bagi Qālūn dan Ibn Kāthir, dalil bacaan ḍammah pada kalimah (عَلَيْهِمْ-إِلَيْهِمْ-وَلَدَيْهِمْ) oleh Hamzah, dalil bacaan qasr (2 harkat) pada mad munfaṣil bagi Sūsi dan Ibn Kāthir, dalil bacaan tawasuṭ (4 harkat) pada mad munfaṣil bagi Qālūn, Dūri dan Abu 'Amru, dalil bacaan ishba' (6 harkat) pada mad munfaṣil bagi Warsh, dalil idgham kabir bagi Abu 'Amru, dalil mengibdalkan hamzah pada fa feel bagi Warsh dan dalil mentaghlizkan lam pada kalimah (الصَّلَاةِ) bagi Warsh.

4.4.4.2 Analisis Frekuensi

Jadual 4.9: Analisis Frekuensi Penguasaan Responden Terhadap Matan Qira'at Tujuh

Item	STM	TM	TP	M	STM
1. Adakah anda menguasai rumuz bagi setiap qurra'?	1 2 8%	2 6 24%	3 12 48%	4 1 4%	5 4 16%
2. Adakah anda menguasai dalil bagi Qālūn, Kisā'iy, 'Āsim, Ibn Kāthir dalam mengisbatkan basmalah pada setiap surah?	1 6 24%	2 14 56%	3 1 4%	4 2 8%	5 2 8%
3. Adakah anda menguasai dalil mim jama' bagi Qālūn dan Ibn Kāthir?	1 6 24%	2 14 56%	3 1 4%	4 2 8%	5 2 8%
4. Adakah anda menguasai dalil bacaan ḍammah pada kalimah (عَلَيْهِمْ - إِلَيْهِمْ - لَدَيْهِمْ) oleh Hamzah?	1 6 24%	2 14 56%	3 1 4%	4 2 8%	5 2 8%
5. Adakah anda menguasai dalil bacaan qasr (2 harkat) pada mad munfaṣil bagi Sūsi dan Ibn Kāthir?	1 6 24%	2 14 56%	3 1 4%	4 2 8%	5 2 8%
6. Adakah anda menguasai dalil bacaan tawasuṭ (4 harkat) pada mad munfaṣil bagi Qālūn, Dūri dan Abu 'Amru?	1 6 24%	2 14 56%	3 1 4%	4 2 8%	5 2 8%
7. Adakah anda menguasai dalil bacaan ishba' (6 harkat) pada mad munfaṣil bagi Warsh?	1 6 24%	2 14 56%	3 1 4%	4 2 8%	5 2 8%
8. Adakah anda menguasai dalil idgham kabir bagi Abu 'Amru?	1 6 24%	2 14 56%	3 1 4%	4 2 8%	5 2 8%

9. Adakah anda menguasai dalil mengibdalkan hamzah pada fa feel bagi Warsh?	1 6 24%	2 14 56%	3 1 4%	4 2 8%	5 2 8%
10. Adakah anda menguasai dalil mentaghlizkan lam pada kalimah (الصَّلَاةُ) bagi Warsh?	1 6 24%	2 14 56%	3 1 4%	4 2 8%	5 2 8%

Sumber: Soal selidik, 27 Jun - 27 Julai 2013

Jadual 4.9 menunjukkan tahap penguasaan penguasaan responden rumuz bagi setiap qurro' adalah 48% tidak pasti, 24% tidak menguasai, 16% sangat menguasai, 8% sangat tidak menguasai dan 4% menguasai (STM=8%, TM=24%, TP=48%, M=4%, SM=16%). Di samping itu, 56% responden tidak menguasai terhadap dalil bagi Qālūn, Kisā'iy, 'Āsim, Ibn Kāthir dalam mengisbatkan basmalah pada setiap surah, dalil mim jama' bagi Qālūn dan Ibn Kāthir, dalil bacaan ḍammah pada kalimah (عَلَيْهِمْ - إِلَيْهِمْ - أَدْيِهِمْ) oleh Hamzah, dalil bacaan qasr (2 harkat) pada mad munfaṣil bagi Sūsi dan Ibn Kāthir, dalil bacaan tawasuṭ (4 harkat) pada mad munfaṣil bagi Qālūn, Dūri dan Abu 'Amru, dalil bacaan ishba' (6 harkat) pada mad munfaṣil bagi Warsh, dalil idgham kabir bagi Abu 'Amru, dalil mengibdalkan hamzah pada fa feel bagi Warsh dan dalil mentaghlizkan lam pada kalimah (الصَّلَاةُ) bagi Warsh. Taburan responden yang sangat tidak menguasai adalah sebanyak 24%, 8% daripadanya responden yang menguasai dan sangat menguasai dan 4% tidak pasti (STM=24%, TM=56%, TP=4%, M=8%, SM=8%).

4.4.4.3 Kesimpulan

Pada pendapat penulis, bentuk soalan ujian dan peperiksaan juga memainkan peranan penting dalam proses penguasaan sesebuah mata pelajaran. Bentuk kertas soalan ujian dan peperiksaan MEDIIU adalah objektif dan pilihan betul ataupun salah¹³⁶. Butiran ujian objektif mempunyai aneka pilihan, dan secara perbandingannya,

¹³⁶ Sila rujuk lampiran.

cara ini mempunyai kemampuan yang tinggi untuk mendiskriminasikan pelajar-pelajar yang baik dari pelajar-pelajar yang lemah. Ujian jenis esei pula agak unik dan membawa fungsi yang istimewa. Esei merupakan satu teknik untuk mengeluarkan dan mengungkapkan idea dengan melibatkan suasana yang melibatkan permasalahan. Pelajar dikehendaki menggunakan segala keupayaannya untuk mengatasi permasalahan tersebut. Ini adalah satu kemahiran menyeluruh yang diperlukan di dalam mempelajari sesuatu¹³⁷.

Ini bermakna, sekiranya bentuk soalan lebih cenderung kepada esei, secara tidak langsung pelajar-pelajar boleh mengasah kemahiran mengarang, mencari data yang tepat dan berusaha untuk meningkatkan aktiviti pembacaan. Berbanding dengan bentuk soalan yang lebih kepada objektif atau pilihan jawapan betul atau salah. Bentuk seperti ini membuat pelajar lebih berpendirian santai dan mengambil mudah dalam mempelajari sesuatu bidang.

Setiap satu bentuk ujian ini memang mempunyai banyak kelebihan dan kekuatan. Ujian objektif tidak dapat mengukur dorongan dan kreativiti pelajar, dan juga tidak memberi peluang kepada pelajar untuk melahirkan perasaan mereka dengan berkesan. Tambahan pula, menjadi kelaziman bagi para pelajar untuk menghafaz matan dan dalil-dalil Qira'at ketika hendak menghadapi peperiksaan sahaja.

Dengan itu, responden tidak dapat menguasai matan Qira'at melainkan responden di Tahun 4 kerana mereka mengikuti mata pelajaran Qira'at amali dan perlu mengetahui dalil-dalil Qira'at bagi memudahkan untuk mempraktikkannya di dalam

¹³⁷ Laman sesawang BMP 6123: *Pengujian Dan Penilaian*, dicapai pada 24 Julai 2013, <http://pengujiandanpenilaian.blogspot.com/>.

bacaan. Selain itu, matan Qira'āt melibatkan bait-bait syair yang dinyatakan dalam Bahasa Arab yang mempunyai sastera dan gaya bahasa yang berlainan. Oleh itu, sukar bagi seseorang individu untuk menghafaz dan menguasainya. Kajian Kinsley menunjukkan pembelajaran perkataan-perkataan yang bermakna adalah lebih mudah daripada set suku kata yang tidak bermakna. Dengan kata lain, pembelajaran bahan yang bermakna adalah lebih mudah diingati daripada pembelajaran bahan yang tidak bermakna¹³⁸.

4.4.5 Ujian Amali

4.4.5.1 Analisis Diskriptif

Jadual 4.10: Analisis Diskriptif Responden Terhadap Ujian Amali

Item	Mean	Std. Dev
الرَّحِيمِ ٱ مَلِك	1.80	1.63
أَنْعَمَتْ عَلَيْهِمْ	1.80	1.63
الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ	1.80	1.63
مَلِك	1.80	1.63
الصِّرَاط	1.80	1.63
صِرَاط	1.80	1.63
ودونك الإدغام الكبير وقطبه أبو عمرو البصرى فيه تحفلا	1.64	1.35
عليهم إليهم حمزة ولديهمو جميعا بضم الهاء وقفا وموصلا , وضم ميم الجمع	1.68	1.40
ومالك يوم الدين راويه ناصر	1.68	1.40
وعند السراط وسراط لقبلا بحيث أتى والصاد زايا أشمها لدى خلف واشمم بخلاّد الاولا	1.68	1.40

Sumber: Ujian Amali, 27 Jun - 27 Julai 2013

Jadual menunjukkan, skor min tertinggi terhadap ujian amali adalah penguasaan responden terhadap manhaj Qira'āt tujuh dan farsh huruf (**M**=1.80, **SD**=1.63). Skor min

¹³⁸ Mok Soon Sang, *Psikologi Pendidikan Untuk Pengajaran Dan Pembelajaran* (Malaysia: Penerbitan Multimedia Sdn.Bhd, Terbitan Kelima, 2010), h.391.

kedua tertinggi adalah merujuk kepada penguasaan responden terhadap matan Qira'at tujuh iaitu dalil bagi mim jama', ithbat alif pada kalimah (مَالِك) dan khilaf pada kalimah (صِرَاطُ/الصِّرَاطُ) ($M=1.68$, $SD=1.40$). Manakala skor min terendah adalah penguasaan responden terhadap dalil idgham kabir ($M=1.64$, $SD=1.35$).

4.4.5.2 Analisis Frekuensi

Jadual 4.11: Jadual Analisis Frekuensi Penguasaan Respdnen Terhadap Ujian Amali

Item	STM	TM	TP	M	SM
A) Penguasaan Responden Terhadap Manhaj Qira'at Tujuh					
الرَّحِيمِ ﴿٢﴾ مَلِك	1 20 80%	2 0 0%	3 0 0%	4 0 0%	5 5 20%
أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ	1 20 80%	2 0 0%	3 0 0%	4 0 0%	5 5 20%
الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ	1 20 80%	2 0 0%	3 0 0%	4 0 0%	5 5 20%
B) Penguasaan Responden Terhadap Farsh Hurf					
مَلِك	1 20 80%	2 0 0%	3 0 0%	4 0 0%	5 5 20%
الصِّرَاط	1 20 80%	2 0 0%	3 0 0%	4 0 0%	5 5 20%
صِرَاط	1 20 80%	2 0 0%	3 0 0%	4 0 0%	5 5 20%
C) Penguasaan Responden Terhadap Matan Qira'at Tujuh					
ودونك الإدغام الكبير وقطبه أبو عمرو البصرى فيه تحفلا	1 20 80%	2 0 0%	3 1 4%	4 2 8%	5 2 8%
عليهم إليهم حمزة ولديهمو جميعا بضم الهاء وقفا وموصلا , وضم ميم الجمع	1 20 80%	2 0 0%	3 0 0%	4 3 12%	5 2 8%
ومالك يوم الدين راويه ناصر	1 20 80%	2 0 0%	3 0 0%	4 3 12%	5 2 8%
وعند السراط وسراط لقبلا بحيث أتى والصاد زايا	1	2	3	4	5

أشهما لدى خلف وأشمم بخلاّد الاولا	20	0	0	3	2
	80%	0%	0%	12%	8%

Sumber: Ujian Amali, 27 Jun - 27 Julai 2013

Jadual 4.11 menunjukkan bahawa penguasaan responden terhadap manhaj Qira'āt tujuh dan farsh huruf bagi ujian amali surah al-Fatihah mencatat taburan yang sama iaitu 80% responden sangat tidak menguasai dan 20% sahaja responden yang sangat menguasai (**STM**=80%, **TM**=0%, **TP**=0%, **M**=0%, **SM**=20%). Bagi penguasaan responden terhadap dalil idgham kabir 80% daripada mereka sangat tidak menguasai, 4% tidak pasti, 8% menguasai dan 8% sangat menguasai (**STM**=80%, **TM**=0%, **TP**=4%, **M**=8%, **SM**=8%). Di samping itu, 80% responden sangat tidak menguasai, 12% menguasai dan 8% sangat menguasai terhadap dalil mim jama', ithbat alif pada kalimah (مَالِك) dan khilaf pada kalimah (صِرَاطُ الصِّرَاطِ) (**STM**=80%, **TM**=0%, **TP**=0%, **M**=12%, **SM**=8%).

4.4.5.3 Kesimpulan

Natijahnya, responden di Tahun 4 mampu membaca bacaan Qira'āt dengan fasih, menepati manhaj bacaan Qira'āt tujuh dan mengenalpasti khilaf bacaan beserta dalil matan. Di samping itu, responden di Tahun 2 dan 3 masih lagi sangat tidak menguasai kerana proses penguasaan mata pelajaran Qira'āt hanya di peringkat teori sahaja.

Akan tetapi berdasarkan temubual penulis, responden di Tahun 4 meminta agar sesi talaqqi Qira'āt amali dilebihkan sehingga enam kali pertemuan dalam seminggu. Pada hemat penulis, walaupun sesi talaqqi Qira'āt amali secara dalam talian dijalankan hanya 4 jam kredit dalam satu semester, responden mampu menguasai bacaan Qira'āt dengan bagus. Ini menunjukkan sistem pendekatan dan pendedahan matapelajaran

Qira'āt di MEDIIU amat memuaskan dan berjaya dan kenyataan ini juga disokong oleh pensyarah Qira'āt MEDIIU sendiri iaitu Ustaz Anas Najie¹³⁹.

Tambahan pula, pengendalian internet dan pelaksanaan program yang diatur oleh MEDIIU bergantung kepada kelajuan internet responden. Ini bertepatan dengan penjelasan yang diberikan oleh pegawai MEDIIU sendiri iaitu MEDIIU tidak mengalami masalah dalam memuat turun data-data yang mempunyai saiz yang besar. Ini disebabkan pihak IT terlebih dahulu meletakkan data-data yang akan dimuat turun oleh pelajar dan pensyarah¹⁴⁰.

Namun begitu, responden mengakui bahawa mereka mengalami gangguan ketika sesi tutorial bersama pensyarah disebabkan kegagalan internet. Kenyataan yang diberikan oleh responden amat berlainan dengan kenyataan yang diberikan pegawai MEDIIU. Beliau menyatakan ALIM tidak akan mempunyai masalah *shutdown* atau *down server* kerana MEDIIU telah menggunakan *Cloud Amazon Server* yang tidak terdapat di Malaysia. Sekalipun satu Malaysia mengalami keputusan bekalan elektrik, ALIM masih hidup dan boleh digunakan bagi kegunaan negara-negara lain. *Cloud Amazon Server* mempunyai kebarangkalian yang amat tipis untuk *shutdown*¹⁴¹.

¹³⁹ Ustaz Anas Najie berasal dari Syria. Beliau memiliki dua Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab dan Qira'āt di Majma Fatah Islami, Damsyik, Syria. Kini beliau menyambung pengajian beliau di peringkat Sarjana dalam Bahasa Arab di Malaysia. Beliau juga mempunyai ijazah sanad Qira'āt sepuluh yang mutawatir (Syatibi dan Durrah).

¹⁴⁰ Kajian penulis dalam Bab 3: *VLE Dalam Pembelajaran Dan Pengajaran Qira'āt MEDIIU*, h.96.

¹⁴¹ *Ibid.*

4.4.6 Kolerasi Pearson

Kajian terhadap teori kolerasi adalah penting kerana ia boleh menunjukkan kecacatan yang boleh mengurangkan kebolehpercayaan¹⁴². Oleh itu, analisis Kolerasi Pearson digunakan untuk mengukur kekuatan hubungan linear di antara variabel. Kolerasi yang positif menunjukkan bahawa sifatnya satu arah dan kolerasi yang negatif berjalan ke arah yang berlawanan¹⁴³.

Jadual 4.12: Jadual Indeks Bagi Analisis Kolerasi

Saiz Pekali Kolerasi	Kategori
0	Tiada Kolerasi
0.01-0.10	Sangat Lemah
0.11-0.25	Lemah
0.26-0.50	Sederhana
0.51-0.75	Kuat
0.76-0.99	Sangat Kuat
1.00	Sempurna

4.4.6.1 Kolerasi Soal Selidik dan Ujian Amali Bagi Penguasaan Responden Terhadap Manhaj

Kolerasi Pearson diukur dalam kajian ini untuk melihat hubungkait soal selidik dan ujian amali penguasaan responden terhadap manhaj Qira'at tujuh.

Jadual 4.13: Jadual Keputusan Kolerasi Pearson

Correlations			
		Penguasaan Manhaj Bagi Soal Selidik	Penguasaan Manhaj Bagi Ujian Amali
Penguasaan Manhaj Bagi Soal Selidik	Pearson Correlation Sig. (2-tailed)	1	.488* .013
Penguasaan Manhaj Bagi Ujian Amali	Pearson Correlation Sig. (2-tailed)	.488* .013	1

*. Correlation is significant at the 0.05 level (2-tailed).

¹⁴² Sharifah Norhabsah binti Syed Abdullah, "Customers Preferences Of Sense Based Hotels' Guestroom Attributes, Experiences And Satisfactions", (Disertasi Universiti Teknologi Mara, 2013), h.65.

¹⁴³ Uma Sakeran, Roger Bougie, *Research Methods For Bussiness* (London: Penerbit John Wiley and Sons, Edisi Kelima,2010), h.321.

Merujuk kepada jadual 4.13, analisis menunjukkan kolerasi diantara soal selidik dengan ujian amali penguasaan responden terhadap manhaj Qira'at tujuh adalah kategori kolerasi yang sederhana ($r=4.88$). Manakala kolerasi di anantara ujian amali dengan soal selidik penguasaan responden terhadap manhaj Qira'at tujuh pula adalah di kategori sempurna ($r=1.00$).

4.4.6.2 Kolerasi Soal Selidik Dan Ujian Amali Penguasaan Responden Terhadap Farsh Huruf

Jadual 4.14: Jadual Keputusan Kolerasi Pearson

Correlations			
		Penguasaan Farsh Huruf Bagi Soal Selidik	Penguasaan Farsh Huruf Bagi Ujian Amali
Penguasaan Farsh Huruf Bagi Soal Selidik	Pearson Correlation Sig. (2-tailed)	1	.543 ^{**} .005
Penguasaan Farsh Huruf Bagi Ujian Amali	Pearson Correlation Sig. (2-tailed)	.543 ^{**} .005	1

** . Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

Merujuk kepada jadual di atas, keputusan menunjukkan hubungan di antara penguasaan responden terhadap farsh huruf bagi soal selidik dengan ujian amali adalah pada kategori kolerasi yang kuat ($r=0.54$). Bagi kolerasi penguasaan responden melalui ujian amali dengan soal selidik pula menunjukkan kategori kolerasi yang sempurna dan tepat ($r=1.00$).

4.4.6.3 Kolerasi Soal Selidik Dan Ujian Amali Bagi Penguasaan Responden Terhadap Matan Qira'at Tujuh

Jadual 4.15: Jadual Keputusan Kolerasi

Correlations			
		Penguasaan Matan Qira'at Bagi Soal Selidik	Penguasaan Matan Qira'at Bagi Ujian Amali
Penguasaan Matan Qira'at Bagi Soal Selidik	Pearson Correlation Sig. (2-tailed)	1	.706** .000
Penguasaan Matan Qira'at Bagi Ujian Amali	Pearson Correlation Sig. (2-tailed)	.706** .000	1

** . Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

Jadual 4.15 menunjukkan keputusan kolerasi di antara soal selidik dengan ujian amali penguasaan responden terhadap matan Qira'at tujuh adalah kolerasi yang sangat kuat ($r=0.70$) dan kolerasi antara ujian amali dengan soal selidik adalah kolerasi yang sempurna ($r=1.00$).

4.4.7 Cadangan Baru

Melihat kepada analisis penguasaan responden terhadap pengajian Qira'at dari beberapa aspek, penulis ingin mengutarakan beberapa cadangan untuk membaik pulih sistem pembelajaran dan pelbagai sudut yang boleh meningkatkan tahap penguasaan pelajar. Cadangan penulis yang pertama adalah meminta kepada pihak pentadbiran MEDIIU agar menyusun semula jadual sesi tutorial pelajar mengikut kesesuaian waktu dan keselesaan pelajar. Penyusunan ini boleh diukur melalui persetujuan para pelajar dengan membuat kaji selidik. Selain itu, tenaga pengajar juga harus bertolak ansur apabila penyusunan masa diubah kerana masa di antara tenaga pengajar dan pelajar berbeza mengikut negara masing-masing.

Cadangan seterusnya adalah penyusunan semula sukatan matapelajaran Qira'āt tujuh mengikut sukatan kitab-kitab Qira'āt tujuh. Dengan ini, penyusunan sukatan mengikut sukatan kitab Qira'āt membuatkan pelajar lebih konsisten dan teratur dalam menguasai ilmu Qira'āt. Selain itu, sesi hafazan matan Qira'āt tujuh juga perlu diadakan bagi mencapai tahap penguasaan Qira'āt yang memuaskan. Ini kerana menghafaz matan Qira'āt wajib bagi pelajar untuk menguasai ilmu Qira'āt. Penulis juga mencadangkan agar subjek Qira'āt tujuh amali perlu diajar di awal semester dua agar pelajar lebih menguasai dan bersedia.

Seterusnya penulis mencadangkan bahawa format kertas soalan peperiksaan perlulah diubah lebih kepada soalan berbentuk esei. Format kertas soalan peperiksaan MEDIIU lebih kepada objektif. Dengan adanya bentuk soalan esei, pelajar akan lebih serius dalam menjana pengetahuan dan mereka akan lebih bersikap kritis dan kreatif dalam berfikir.

Selain itu, pihak MEDIIU yang mengendalikan IT hendaklah diperbaiki sistemnya supaya kegagalan dan gangguan internet tidak berlaku ketika kelas tutorial sedang dijalankan. Sekiranya sistem terganggu, ia akan memberi kesan besar terhadap pembelajaran pelajar terutama apabila sesi talaqqi Qira'āt amali.

4.5 KESIMPULAN

MEDIIU mempunyai prestasi yang baik dalam mengatur sukatan mata pelajaran Qira'āt. Dengan itu, pelajar mampu menguasai subjek-subjek yang berkaitan dengan Qira'āt secara teori sahaja kerana mereka sudah mendapat pendedahan awal dari tahun 2. Walaubagaimanapun, pelajar-pelajar masih keliru dalam membezakan konsep usul Qira'āt dan farsh huruf serta istilah-istilah Qira'āt. Selain itu, para pelajar juga tidak

menguasai matan Qira'āt. Oleh kerana terdapat banyak khilaf yang berbeza bagi setiap surah, sukatan matapelajaran hendaklah disusun mengikut urutan supaya pelajar boleh mengikuti sukatan langkah demi langkah.

Oleh kerana masa yang diberikan terlalu singkat untuk matapelajaran Qira'āt amali dan terhad kepada pelajar tahun 4 sahaja, pelajar-pelajar di tahun 2 dan 3 tidak boleh menguasai bacaan Qira'āt. Analisis bagi ujian amali Qira'āt juga menunjukkan pelajar-pelajar di tahun 2 dan 3 sangat tidak menguasai bacaan Qira'āt. Akan tetapi, pelajar-pelajar tahun 4 menunjukkan responsi bacaan di tahap sangat menguasai dan menguasai. Selain itu, pembentukan bentuk soalan peperiksaan juga perlu diberi perhatian agar pelajar mampu menguasai sesebuah mata pelajaran di samping boleh melontarkan pendapat-pendapat yang bernas.

Selain itu, kelengkapan belajar juga perlu disediakan selengkapnya. Ini membuatkan pelajar lebih selesa dan boleh mendapat bahan rujukan lain yang mampu menjelaskan sebarang kemusyikilan yang dihadapi. Memastikan perlaksanaan kelas *online* dari sudut teknikal diselenggara dengan sempurna juga penting supaya ia tidak mengganggu sesi tutorial sedang berjalan.

Oleh yang demikian, ketiga-tiga hipotesis nul diterima disebabkan terdapat pelajar pengajian Ijazah Sarjana Muda Sains Al-Quran MEDIIU Shah Alam yang mengikuti pengajian secara dalam talian tidak boleh menguasai manhaj bacaan perawi Qira'āt tujuh, khilaf dalam perkataan dan dalil matan Qira'āt tujuh.